



**Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah**

**UCAPAN**

**YAB. DATO' SERI DR AHMAD ZAHID BIN  
HAMIDI**

**TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN  
WILAYAH**

**SEMPENA PROGRAM KARNIVAL BELIA  
ORANG ASLI RENTAS DESA SEJAHTERA (K-  
BOARDS) 2.0**

**28 FEB 2023 | SELASA | 5.00**

**PETANG**

**DEWAN BALLROOM, HOTEL TENERA BANGI,  
SELANGOR**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama di dewan ini bersempena dengan **Program Karnival Belia Orang Asli Rentas Desa Sejahtera yang dianjurkan oleh JAKOA** pada petang ini.
2. Sekalung penghargaan terima kasih di atas kehadiran para generasi muda ke program ini yang merupakan satu manifestasi kerajaan dalam memartabatkan golongan belia terutama belia masyarakat orang asli di Malaysia
3. Program Karnival Belia Orang Asli Rentas Desa Sejahtera (K-Boards) Tahun 2023 ini adalah satu langkah yang tepat dan platform terbaik bagi memberi akses maklumat dan peluang kepada belia Orang Asli dalam aspek pendidikan, kemahiran, keusahawanan dan peluang kerjaya.
4. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada JAKOA kerana sentiasa mendokong usaha Kementerian bersama merealisasikan visi dan misi kementerian dalam pembangunan generasi muda. Sebagaimana yang kita sedia maklum, dalam usaha memperkukuhkan semangat Malaysia Madani iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, nilai hormat, keyakinan dan ihsan- merupakan kata kunci kepada sebuah agenda

rakyat untuk membina masa hadapan yang madani buat Malaysia. Ia meliputi semua peringkat usia dan tidak terkecuali generasi muda.

5. Ini kerana para generasi muda yang berada di hadapan saya mempunyai semangat untuk bangkit selain keinginan yang kuat, berdaya tahan dan progresif yang sangat penting dalam pembentukan Malaysia Madani. Belia juga merupakan penyumbang idea terbesar sebanyak 57.9 peratus berada dalam kalangan generasi muda berusia lingkungan 18 hingga 21 tahun.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

6. Sebelum ini saya ada menyentuh mengenai keusahawanan desa dalam ucapan semasa perhimpunan bulanan KKDW di mana Kerajaan akan memberi tumpuan kepada pendidikan di desa, masyarakat dan individu yang berasaskan kepada pendesaan. Kita juga melihat potensi industri dari desa, melihat peluang pekerjaan di desa dan mencipta peluang keusahawanan di desa.
7. Selain itu, usaha meningkatkan tahap pendidikan di kalangan pelajar Orang Asli masih menjadi agenda utama Kerajaan. Usaha ini perlu dipergiat dengan kerjasama pelbagai pihak melalui penambahan infrastruktur Pendidikan dan penerapan terhadap kempen kesedaran mengenai kepentingan Pendidikan.
8. Saya dimaklumkan pada tahun 2022 terdapat seramai 330 pelajar Orang Asli telah memasuki Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam pelbagai jurusan bermula dengan peringkat Sijil sehingga Ijazah Sarjana Muda. Ia menjadikan 790 jumlah pelajar keseluruhannya telah

mendapat tajaan dari pihak JAKOA bagi tahun 2022. Sasaran kemasukan ke IPT tahun 2023 pula ialah seramai 300 orang pelajar. Semua ini akan ditaja oleh pihak JAKOA.

9. Jumlah ini memberi isyarat kepada Kerajaan bahawa masyarakat Orang Asli telah seiring malah setanding dengan masyarakat lain. Percayalah bahawa bidang Pendidikan bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan seseorang, tetapi ia juga dapat membantu kita meningkat keyakinan diri serta menghapuskan sikap rendah diri selain membolehkan kita bersaing setanding dengan masyarakat lain
10. Seajar dengan hasrat tersebut, tumpuan program K-BOARDS tahun ini adalah kepada kemahiran dan ia amat bertepatan dengan sasaran Kerajaan untuk melahirkan lebih ramai generasi muda berkemahiran dalam pelbagai bidang khususnya generasi muda Orang Asli.
11. Apa yang saya ingin tambah sebagai lanjutan daripada program ini
  - Di bawah KKDW sendiri, terdapat institusi yang menawarkan bidang TVET sebagai bidang pilihan untuk mereka yang berminat kepada kemahiran dan teknikal. Institusi di bawah agensi KKDW seperti UNIKL, UCAM, Giat MARA dan sebagainya menawarkan kursus-kursus serta yuran yang rendah jika dibandingkan dengan Institusi Latihan Swasta yang lain. Gunakan ruang ini sebaiknya, untuk masyarakat Orang Asli terlibat sama agar TVET dapat jadi pemangkin kepada usaha program K-BOARDS pada hari ini.

**Tuan-Puan serta generasi muda sekalian,**

12. Saya berharap agar program K-BOARDS 2.0 ini bukan sahaja memberi *Input* berguna malah *Outcome* yang besar terutama dalam penglibatan generasi muda dalam bidang kemahiran serta TVET yang mampu menjana pendapatan untuk belia masyarakat orang asli.
13. Warga generasi muda Orang Asli diraikan dalam platform sebegini sebagai satu dorongan selain pendedahan input yang berguna seperti peluang pendidikan, latihan kemahiran dan kerjaya.
14. Seperti mana yang anak-anak belia sedia maklum, dalam pembentangan Belanjawan 2023 baru-baru ini oleh YAB Perdana Menteri, kerajaan telah mengumumkan untuk menawarkan kredit e-Tunai Belia Rahmah berjumlah RM 200 juta kepada belia berumur 18 sehingga 20 tahun. Saya pasti ini merupakan satu hadiah yang bermakna untuk anak-anak belia termasuk belia orang asli.
15. Tambahan itu Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM320 juta peruntukan untuk JAKOA, peningkatan sebanyak RM41 juta daripada belanjawan tahun lalu. JAKOA mestilah menguruskan peruntukkan ini dengan baik, dan pastinya perlu memberi penekanan kepada program atau inisiatif melibat belia Orang Asli.

## PENUTUP

- Akhir kata saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di atas inisiatif mengadakan program seumpama ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang akan ditauliahkan sebagai Anugerah Belia Berjasa pada majlis hari ini.
- Semoga ini menjadi satu dorongan penyuntik semangat dan pencetus idea kepada warga generasi muda lain. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini samada secara langsung atau tidak langsung. Saya doakan anda semua selamat maju jaya.
- Dengan lafaz mulia

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

- Saya merasmikan **KARNIVAL BELIA ORANG ASLI RENTAS DESA SEJAHTERA (K-BOARDS) 2.0 TAHUN 2023**

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.